

Teori Kenneth F. Greene Dalam Konsep Pendorinasian Politik Melayu Di Sarawak

Nur Aida Hj Kipli

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
UiTM Sarawak, Kampus Samarahan 2
aidan@sarawak.uitm.edu.my
aida9178@gmail.com

ABSTRAK

Pembentukan parti-parti politik di Sarawak adalah berlandaskan faktor perkauman yang mencorakkan konstruksi social dalam masyarakatnya yang pelbagai. bagi menjaga kepentingan dan masa depan mereka. PBB di Sarawak telah menerajui politik kerajaan negeri tersebut lebih 30 tahun lamanya dengan berpayungkan agenda politik pembangunan. Konsep pendorinasian politik merujuk Greene adalah perihal ketahanan dalam pendorinasian sesuatu parti berlaku apabila ciri-ciri seperti kemampuan untuk mempertahankan pemerintahan dengan memiliki kuasa yang berpengaruh serta memperolehi kemenangan majoriti bagi setiap pilihan raya serta tempoh yang melangkaui lebih 20 tahun. Greene dapati kuasa, pilihan raya dan tempoh atau jangka masa merupakan tiga ciri yang berkait dalam menentukan pendorinasian sesebuah parti politik.

Kata Kunci : Politik di Sarawak, dominasi, politik pembangunan.

Greene dalam erti satu parti dominan

Menurut Greene, pengejalan kuasa yang berterusan ini mencerminkan perihal sebuah parti yang dominan dalam mengukuhkan pemusatan kuasa terhadap sesebuah negara (Sartori 1976, Greene 2000, Troustine 2006, Bogaards 2004, Reedy 2008, Grenier 2007, Kollner 2005, Van Eerd 2010, Magaloni & Kricheli 2010). Secara ringkasnya, dominan adalah perilaku untuk mendapat keabsahan kuasa dari rakyat untuk mentadbir negara dalam tempoh pemerintahan yang telah ditetapkan. Keabsahan kuasa ini boleh dicapai melalui proses pilihan raya yang diadakan pada setiap penggal pemerintahan. Ini kerana pilihan raya merupakan medan bagi rakyat memberi keabsahan kuasa kepada kelompok individu untuk memerintah negara berdasarkan bentuk pemerintahan yang telah dipersetujui (Mohd Faisal, Mersat & Ahi Sarok, 2002). Perihal kuasa dominan sesebuah parti juga merujuk kepada kemampuannya untuk mempertahankan pemerintahannya dalam satu tempoh masa yang lama (Greene 2000, Magaloni & Kricheli 2010, Troustine 2006, Huo 2005, Reedy 2008, Adam 1999, Grenier 2007, Kollner 2005). Penulisan Greene juga telah menyediakan pendefinisian yang begitu jelas dengan memberikan tiga ciri khusus sebagai garis panduan untuk sesebuah parti itu menjadi dominan dan bertahan untuk satu tempoh yang lama. Ciri-ciri tersebut adalah satu parti itu mestilah mempunyai ambang kuasa yang mantap, mampu bertahan untuk satu tempoh masa yang lama iaitu ambang kelanjutan usia dan persaingan yang adil dalam satu pilihan raya. Ketiga-tiga ciri khusus ini turut menjadi kayu ukur pendefinisian untuk sesebuah parti dominan yang mana berdasarkan indikator-indikator yang telah ditetapkan.

Pertamanya, Greene (2008) telah menekankan bahawa pembentukan satu sistem bagi memastikan sesebuah parti itu dominan adalah pilihan raya. Pendefinisian pilihan raya

disini apabila 'a party which won in fair and meaningful elections regularly and translated into seats' (Greene, 2000, Stunner 2006, Troustine 2006, Hou 2005, Bogaards 2004, Reedy 2008, Grenier 2007, Kollner 2005 & Sartori 2005). Ini merujuk kepada dua indikator iaitu dengan mendapat (i) sokongan penuh daripada pengundi dan juga (ii) telah memenangi bilangan kerusi yang dipertandingkan. Kedua-dua indikator ini saling berkait rapat dalam menentukan kemenangan sesebuah parti itu dalam pilihan raya yang diadakan. Tambahan beliau lagi, tempoh untuk sesebuah parti itu bertahan lama akan berlaku apabila 'a party has the long-term stability in ruling for at least four consecutive elections or maintain their 20 consecutive regimes years' (Greene 2000, Magaloni & Kricheli 2010, Troustine 2006, Hou 2005, Bogaards 2004, Reedy 2008, Grenier 2007, Kollner 2005 & Sartori 2005). Merujuk kepada pernyataan ini, saya telah menetapkan dua indikator sebagai kayu ukur untuk mengkaji pengaruh tempoh pemerintahan sesebuah parti untuk bertahan. Indikator tersebut adalah (i) penerimaan majoriti dalam rejim pemerintahan dan (ii) mendapat keabsahan politik dalam perjawatan. Penerimaan secara menyeluruh terhadap kewujudan sesebuah parti adalah penting dalam menjamin keberadaan parti tersebut untuk bertahan lama dan mendapat mandat sah dalam mentadbir negara. Akhir sekali, mempunyai ambang kuasa yang mantap amat perlu kerana pengaruh serta corak kepimpinan sesebuah parti adalah bergantung kepada 'organized groups of political actors controlling government activity to get the popular acceptance through the electoral process (Greene 2000, Troustine 2006, Totemayer 2007, Reedy 2008, Grenier 2007, Kollner 2005 & Sartori 2005). Kuasa dan pengaruh ini saya hadkan kepada dua dimensi utama iaitu (i) sebagai pelaku utama atau yang saya rujuk sebagai ciri personaliti yang ada pada calon dan juga lebih kepada 'personalized politics'. Dan dimensi yang kedua adalah (ii) institusi politik yang mana berlakunya interaksi dalam parti (intra party) dan dikalangan parti (inter party). Namun, saya fokuskan lagi ke atas institusi politik yang berdasarkan etnik.

Maka, merujuk kepada pendefinisian Greene; pilihan raya, tempoh atau jangka masa serta kuasa yang ada telah menjadi faktor utama untuk sesebuah parti itu mampu bertahan serta berupaya mendominasi pentadbiran negara mereka.

Pembentukan PBB di Sarawak

Pada dasarnya, PBB, yang merupakan parti politik yang terbesar di Sarawak dari segi jumlah kerusi yang di pegang di dalam dewan negeri, bergantung kepada pengundi luar bandar untuk mempertahankan kedudukannya. Mengikut rekod pencapaian politiknya, pendominasian BN di Sarawak adalah hasil daripada kombinasi beberapa buah parti komponen yang bergabung bermula dari tertubuhnya parti Perikatan Sarawak yang pertama seawal tahun 1963. Ianya dikenali sebagai Parti BUMIPUTERA yang merupakan gabungan dari dua buah parti, iaitu Parti Negara Sarawak (PANAS) dan Barisan Ra'ayat Jati Sarawak (BARJASA). Bermula pada saat ketika itu juga berlakunya penggabungan utama, atau '*grand coalition*', yang merangkumi pemimpin politik dari segmen utama yang membentuk masyarakat majmuk dalam parti-parti komponen di Sarawak seperti PBB, SPDP, PRS dan SUPP dalam Barisan Nasional Sarawak sehingga kini.

Situasi ini dapat dijelaskan dengan teori yang mengaitkan hubungan diantara negeri atau '*state*' dan masyarakat atau '*society*' oleh Joel Migdal. Menurut Migdal, interaksi diantara kerajaan negeri dan masyarakat berlaku apabila PBB sebagai parti pemerintah mampu memberi segala keperluan ekonomi, politik dan sosial kepada masyarakat Sarawak berperanan dalam memenuhi keperluan harian mereka. Corak pemerintahan di Sarawak juga merujuk kepada satu bentuk politik yang dikuasai oleh kelas pemerintahan elit yang berperanan sebagai ketua negeri untuk mentadbir masyarakat yang dianggap sebagai

penjana utama ekonomi. Secara umumnya, Sarawak tidak mempunyai pecahan kaum majoriti yang jelas yang mana peratusan kaum Iban/Dayak merangkumi 45%, kaum Cina 30% dan manakala Melayu/Melanau hanya 25% (Buku Tahunan Perangkaan Negeri Sarawak, November 2011). Namun, hampir sebahagian sokongan yang diterima oleh parti kerajaan negeri secara majoritinya terdiri daripada penduduk luar bandar yang merupakan sasaran atau lubuk undi bagi setiap pilihan raya negeri. Pengundi di luar bandar merupakan 'platform' atau pelantar utama untuk parti pemerintah memperoleh jumlah undi yang berpihak kepada mereka. Bagi memastikan PBB masih bertahan, pelbagai program dan aktiviti telah diatur dengan begitu rapi dan terancang sekali dengan misi untuk mendapat perhatian dan sokongan dari pengundi luar bandar dari setiap bahagian. Kemenangan yang diperolehi dalam setiap pilihan raya negeri dengan pencapaian majoriti dua pertiga sememangnya tidak mempunyai masalah untuk BN menguasai tampuk pemerintahan.

Perihal pendominasian PBB dalam pentadbiran negeri

Pertamanya dari ciri pemilikan kuasa yang berpengaruh merupakan aspek penting yang tidak boleh diketepikan. Memiliki kuasa politik yang tertinggi di peringkat negeri bermaksud pemimpin-pemimpin PBB mempunyai pengaruh yang kuat. Boleh dikatakan, mereka menguasai kesemua agensi atau jabatan penting di negeri Sarawak. Kuasa yang ada itu memudahkan mereka mengawal apa jua bentuk perlindungan di Sarawak. Dari segi kuasa pemilikan kewangan pula, parti tersebut telah berjaya melahirkan ramai tokoh perniagaan yang mampu memberikan sumbangan dan sokongan berterusan kepada parti itu tanpa berbelah-bagi. Pendekatan seperti memberi penaungan kepada elit-elit politik adalah salah satu cara untuk mengekalkan kuasa politik pihak pemerintah. Dalam politik penaungan, pertolongan boleh berlaku dalam bentuk perlantikan ke jawatan tertentu, pemberian kontrak, tender, konsesi balak, tanah milik kerajaan dan juga projek-projek pembangunan lain dengan tujuan mendapatkan balasan dalam bentuk sokongan politik. Namun begitu, amalan perkongsian kuasa dan bertolak ansur membolehkan PBB menjadi tunggak kepada kerajaan campur di Sarawak. Di Sarawak, amalan perkongsian kuasa yang ditonjolkan dalam pakatan parti politik di Sarawak ini digunakan dalam PBB dengan sokongan padu dari kerajaan pusat. Apa yang dapat diperhatikan adalah keberhasilan pendominasian PBB dari penerapan formula kerjasama secara besar-besaran dari parti-parti lain amatlah menguntungkan.

Keduanya adalah aspek pilihan raya sebagai penyebab ke atas keabsahan PBB berserta dengan parti komponennya yang lain (SUPP, PBDS dan PRS) untuk mentadir Sarawak dan peluang PBB untuk menguasai politik di Sarawak. Sarawak telah menempuhi proses pilihan raya bermula dari tahun 1969 (yang telah berlangsung serentak dengan pilihan raya umum di negeri-negeri Tanah Melayu) sehingga 2011. Namun pilihan raya DUN yang keempat iaitu pada tahun 1983 ini merupakan titik tolak perubahan dalam perkembangan politik di Sarawak kerana kerajaan negeri Sarawak telah mula beralih tampok pimpinannya iaitu di bawah pimpinan Pehin Sri Abdul Taib Mahmud yang telah menggantikan Tunku Abdul Rahman Yaakub. Ini kerana, Pehin Sri Abdul Taib Mahmud yang berperanan sebagai pelaku utama dalam kerajaan ini telah berjaya menggunakan konsep politik pembangunan untuk melanjutkan penguasaan Barisan Nasional di Sarawak (Hanapi, 2009:136). Perlaksanaan konsep politik pembangunan yang melampaui dua dekad perlaksanaan merupakan strategi utama untuk memperkasakan strategi politik di Sarawak. Ringkasnya, gagasan politik pembangunan ini adalah bertujuan untuk membawa masyarakat ke tahap maju supaya Sarawak setanding dengan negeri-negeri lain menjelang tahun 2020. Dari segi konsepnya, politik pembangunan bukanlah sesuatu yang baru tetapi boleh dikatakan sebagai 'semangat' teori modenisasi (Noor 'ain & Mersat, 2008:16). Manakala menurut King (1993:243), politik pembangunan 'is a particular expression of old-

style modernization theory'. Politik pembangunan adalah satu bentuk dasar ekonomi politik yang menunjangi dasar-dasar lain yang dilaksanakan oleh beliau sebagai ketua pemerintah di negeri tersebut. Matlamat politik pembangunan adalah bertunjangkan khidmat pembangunan material kepada masyarakat Sarawak. Dalam kerangka gagasan inilah parti pemerintah di Sarawak memperkukuh dan membina penaklukan secara pembangunan sebagai satu aset untuk mendominasi politik Sarawak, khususnya dari segi perkembangan dan penularan demam politik negeri tersebut. Ini menyebabkan PBB sentiasa mendapat undi popular dari penyokong mereka.

Aspek ketiga dalam tempoh atau jangkamasa yang melangkaui lebih 20 tahun dalam sesebuah pentadbiran tersebut. Peralihan kuasa yang bermula dari merupakan pemerintah yang paling lama mentadbir Sarawak sebagai Ketua Menteri bermulanya pada 1 Mac 1981 sehingga kini lebih 30 tahun lamanya beliau telah memerintah Sarawak dan banyak perubahan baik mahupun yang kurang baik telah diperkatakan oleh segenap lapisan penduduk di Sarawak khususnya dan di Malaysia amnya. Tempoh ini telah menyaksikan pengendalian kedudukan dalam pendominasi politik Sarawak oleh beliau.

Maka, secara teorinya, apabila merujuk kepada ciri-ciri seperti mampu mempertahankan pemerintahan dengan memiliki kuasa yang berpengaruh, memperoleh kemenangan majoriti bagi setiap pilihan raya serta tempoh yang melangkaui lebih 20 tahun (Greene 2000) telah cukup melabelkan PBB sebagai sebuah parti yang begitu dominan dan kuat.

Penutup : Satu Parti vs Parti Dominan

Walaupun telah banyak kajian kesusasteraan yang sebelum ini membincangkan tentang kepelbagaian jenis parti, tetapi masih belum ada pendefinisian yang tepat mengenainya samada dari segi konsep-konsep yang tertentu atau sistem satu parti dan yang dominan juga. Ini kerana, konsep satu parti atau adalah amat berbeza sekali parti dominan. Untuk memulakan perbincangan ini, salah satu ciri umum kerajaan yang berlandaskan satu parti adalah merujuk kepada kedudukan parti itu sebagai parti pemerintah yang telah termaktub dalam perlembagaan kerajaan tersebut. Apa jua bentuk kewujudan parti-parti yang membelakangkan kerajaan adalah dilarang sama sekali kerana ianya telah ditetapkan dalam undang-undang kerajaan tersebut. Ini kerana kedudukan parti pemerintah yang telah berkuasa untuk mengawal serta mentadbir setiap aspek kehidupan dalam kerajaannya.

Sistem satu parti ini tidak akan dapat membentuk satu sistem politik sepertimana yang kita boleh kenal pasti yang berlaku di negara Britain. Kewujudan satu parti ini juga tidak akan mampu membentuk sistem yang lain selain dari kuasa autokratik atau diktator yang ada. Contoh-contoh negara yang diperintah oleh satu parti yang juga merujuk kepada kerajaan yang berpaksikan sistem komunis seperti Cuba, Korea Utara dan China. Contoh lain pula yang merujuk mempraktikkan kerajaan satu parti ini adalah 'old Soviet Union'. Walaubagaimanapun, pendefinisian parti itu menjadi dominan boleh dibezakan melalui kriteria seperti yang saya jelaskan sebelum ini iaitu kuasa yang berpanjangan sepanjang tempoh pentadbirannya yang diperolehi melalui pilihan raya. Namun begitu, penjelasan yang amat mudah untuk kita katakan dominannya sesebuah parti itu apabila ianya memperoleh kemenangan yang konsisten dalam meraih undi majoriti untuk setiap pilihan raya yang diadakan.

Manakala, untuk sistem parti yang dominan berlaku apabila sesebuah parti itu berkemampuan dalam merangka sktruktur politik untuk diaplikasikan dalam pentadbirannya.



Malahan, parti itu juga mestilah kuat dan berpengaruh dalam mengekalkan kemenangan mereka dalam setiap pilihan raya sebagai satu bentuk komitmen dan perlakuan formal. Ini yang telah ditakrifkan oleh Templeman (2012:32) dalam disertasi beliau mengenai kajiannya ke atas Taiwan yakni 'dominant party systems are those in which a single party or coalition controls the national executive for an extraordinarily long period of time by regularly winning contested elections'. Parti yang bersifat dominan ini juga mampu mendominasi negeri untuk berdekad lamanya samada dengan memerintah secara sendirinya atau sebagai 'leading partner' dalam konsep penggabungan kerajaan. Walaupun terdapat parti-parti komponen yang lain wujud, namun akan wujud satu parti yang bersifat dominan dan menonjol dari segi perluasan pengaruhnya. Inilah yang berlaku di bawah pemerintahan kerajaan Konservatif Margaret Thatcher and John Major yang telah diperintah oleh satu parti untuk tempoh 18 tahun lamanya (1979-1997).

Selain dari kriteria itu, kemunculan parti-parti pembangkang seringkali terjadi di sesebuah keadaan parti itu menjadi dominan. Ini berlaku kerana kewujudan parti yang dominan berupaya mencetuskan keadaan yang berbentuk 'highly factionalized' dengan pemilihan dalam ketua parti-parti itu tersendiri yang mewujudkan persaingan diantara 'leading factions'. Pembentukan kuasa yang ada dalam parti yang dominan ini seakan-akan dalam keadaan 'complacent' dan menampakkan yang kedudukan mereka terjamin. Ini sedang berlaku di Malaysia dimana ianya didominasi oleh penyatuan parti yang terdiri daripada pelbagai kaum sejak penubuhannya pada tahun 1974 iaitu Barisan Nasional. Contoh-contoh lain seperti pentadbiran di Singapura oleh PAP (sejak dari tahun 1959) dan juga di Bostwana oleh Parti Demokratik (sejak dari tahun 1966).

Tetapi, menurut kebanyakan ahli pemikir politik, rejim parti dominan merupakan jenis umum dalam pembentukan rejim autoritarian yang moden. Sesebuah parti yang dominan itu mempunyai 'leading role' dalam menentukan kemasukan kebanyakan 'political offices, shares powers over policy-making and patronage distribution, and uses privileged access to state resources to maintain its position in power'. Parti-parti yang dominan juga dikenali dengan tempoh perlanjutan dalam pemerintahan autoritariannya. Salah satu faktor kekuatan akan kewujudan parti-parti dominan ini apabila hubungan diantara pemerintah dengan golongan elit yang begitu kukuh dan dan begitulah sebaliknya. Ini kerana pemerintah atau pemimpin dan golongan elit ini mengambil kesempatan berperanan sebagai penaung dengan kuasa dan kekayaan yang ada mereka (pemerintah dan golongan elit ini) ini berupaya memperkukuhkan kedudukan mereka (Milne 1973: 892 dan Nidzam Sulaiman 2006:144). Hubungan yang erat ini adalah sebagai salah satu kaedah yang perlu dipelihara bagi menjamin kedudukan pemerintah yang akan bertanding dalam mana-mana tempat perwakilan nanti. Dari segi perbincangan politik, golongan elit ini merupakan salah satu penyumbang utama kepada sumber kewangan terhadap apa jua aktiviti-aktiviti yang berlangsung sebelum dan sepanjang pilihan raya. Hubungan yang wujud di antara mereka (pemerintah dan golongan elit) ini adalah berbentuk faktor material atau boleh dikatakan sebagai amalan korupsi (Nidzam Sulaiman 2006:144).

Secara konklusinya, apakah yang membuat parti dominan itu berbeza dengan 'independent party' yang lain? Sekali lagi, parti dominan adalah parti yang berteraskan kepentingan parti itu sendiri atau lebih dikenali sebagai 'party –specific oriented' yang mana segala kelebihan sumber parti adalah manfaat kepada semua ahli parti tersebut sahaja. Tambahan pula, pemanipulasian sumber-sumber yang ada adalah lebih besar berbanding dengan 'independent parties' yang lain dan akan memberi manfaat kepada parti itu sendiri.

Rujukan

Ahmad Nidzamuddin S (1991) *Parti Gabungan di Sarawak : Satu Kajian Terhadap Peralihan Komponen Gabungan Parti Politik yang Menguasai Kerajaan Negeri*, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bogaards, M. (2004) Counting Parties and Identifying Dominant Party Systems in Africa. *European Journal of Political Research* 43(2): 173-197.

Greene, KF (2007) *Why Dominant Parties Lose, Mexico's Democratization in Comparative Perspective*, Cambridge University Press. New York

Greene, KF (2008), Dominant Party Strategy and Democratization *American Journal of Political Science*, Vol.52, No.1 Jan 2008

Greene, KF (2000) Party Finance and Single Party Dominance, *Paying for Politics*.

Hanapi Dollah (2008) Politik Melanau: Pembangunan dan Kemunduran . in: Ahmad Nizamuddin Sulaiman (ed) *Prodising Pilihan raya dan Pembangunan Politik Sarawak*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Mohd Faisal Syam Adbol Haziz, Neilson Ilan Mersat, Ahi Sarok (2002) *Tingkahtaku pengundian dalam pilihan raya parlimen Sarawak*. Unit Penerbitan Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan.

Sartori G. (1976) *Parties and Party Systems: A Framework for Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.